



AMALAN KEMAHIRAN BELAJAR DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN MATA PELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN DI DAERAH KUALA KANGSAR

ZARINA BINTI BIDUAN



KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2006





PENGAKUAN

Saya mengaku kertas pojek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

18 MEI 2006

ZARINA BINTI BIDUAN
M20041000125





PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur ke hadrat Ilahi kerana telah menganugerahkan nikmat yang tidak terhingga serta dengan keizinan-Nya kajian ini dapat disempurnakan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia Kertas Projek Dr. Norlia binti Mat Norwani yang telah banyak memberi tunjuk ajar sehingga sempurnanya kertas projek ini. Terima kasih juga saya tujukan kepada Profesor Dr. Osman Rani bin Hassan dan Profesor Emeratus Dr. Isahak bin Haron yang telah membuka minda saya tentang penggunaan statistik dalam menganalisis kajian ini.

Ucapan penghargaan juga saya tujukan kepada pengetua dan para pelajar Kolej Melayu Kuala Kangsar, Sek. Men. Keb. Sayong, Sek. Men. Keb. Raja Muda Musa, Sek. Men. Keb. Raja Perempuan Kelsum, Sek. Men. Keb. Temenggong, Sek. Men. Keb. Clifford dan Sek. Men. Keb. Tsung Wah, Kuala Kangsar yang telah sudi memberi kerjasama dalam menjawab soal selidik yang disediakan.

Akhir sekali, terima kasih kepada suami saya Mohd. Yusof bin Din yang sentiasa memberikan sepenuh dorongan serta membantu dalam menyiapkan kertas projek ini dan anak-anak tercinta, Ismahani, Izzati, Fauzan Kamil dan Izzan Nashirin yang begitu sabar dan memahami kesibukan untuk menyiapkan projek ini. Tidak ketinggalan juga, terima kasih yang teristimewa untuk ibu saya Hajjah Hamidah bt Ahmad dan bapa saya Haji Biduan bin Hj. Mansur atas segala jasa dan kasih sayang yang tidak ternilai harganya.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat hubungan di antara amalan kemahiran belajar dengan prestasi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Kajian ini diukur menggunakan instrumen soal selidik yang terdiri daripada 42 item. Soal selidik ini dibahagi kepada pemboleh ubah bebas yang terdiri daripada faktor demografi jantina serta bangsa dan faktor kemahiran belajar iaitu pengurusan masa, mencatat nota serta kefahaman membaca, pengurusan kebimbangan terhadap ujian serta kelajuan membaca, konsentrasi/penumpuan, persediaan menghadapi ujian dan kemahiran menulis manakala pemboleh ubah bersandar pula adalah pencapaian dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Kajian ini dijalankan ke atas 209 orang pelajar tingkatan lima yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan di enam buah sekolah menengah di daerah Kuala Kangsar. Sebanyak lima persoalan telah ditimbulkan dan tigabelas hipotesis telah dibentuk dan diuji dengan menggunakan Ujian t, ANOVA Satu Hala dan Korelasi *Pearson*. Walaupun dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang lemah di antara amalan kemahiran belajar dengan prestasi pencapaian dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan, secara keseluruhannya ia masih dapat membantu pelajar untuk meningkatkan prestasi pencapaian dengan memantapkan amalan kemahiran belajar di samping menyediakan diri dengan persediaan fizikal (sihat tubuh badan), persediaan mental (IQ), persediaan emosi (EQ) membina matlamat belajar dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapainya. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa amalan kemahiran belajar haruslah digabungkan bersama dengan kemahiran intelektual untuk menghasilkan kejayaan yang cemerlang dalam akademik.





ABSTRACT

This study was done to examine the relationship between study skills and students achievement in Prinsip Perakaunan. A Questionnaire consists of 42 items was used in this study. This questionnaire was divided into independent variables and dependent variables. Independent variables consists of demography factor gender and races and also study skills factors, that is time management, note taking and reading comprehension, management of anxiety towards examination, concentration, test taking preparation and writing skill while the independent variable is the achievement in Prinsip Perakaunan. This study was carried out on 209 form five students who register for Prinsip Perakaunan from six secondary school in district of Kuala Kangsar. Five questions were brought out and thirteen hypothesis were built and tested using t-test, ANOVA and Pearson Correlation. Although the result showed a weak correlation between study skills and student achievement in Prinsip Perakaunan, generally it helps the students to increase their academic achievement through hard work and good study habits besides good maintenance of their physical health, mental (IQ) and emotion (EQ) to achieve their goal. The result also showed that study skills must go together with intellectual skills as a package in order to achieve academic excellence.





KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
 BAB 1	
Pengenalan	
1.1 Latar belakang kajian	1
1.2 Penyataan masalah	4
1.3 Teori/Model berkaitan	8
1.3.1 Model Pembelajaran Carroll	8
1.3.2 Model Pembelajaran Walberg	8
1.3.3 Model Pembelajaran R. Gagne	9
1.4 Tujuan kajian	11
1.4.1 Matlamat kajian	11
1.4.2 Objektif kajian	12
1.5 Soalan-soalan kajian	13
1.6 Hipotesis kajian	14
1.7 Definisi Operasional Pemboleh ubah	17
1.7.1 Kemahiran belajar	17
1.7.2 Pengurusan masa	17
1.7.3 Konsentrasi/penumpuan	17



1.7.4	Mencatat nota	18
1.7.5	Kefahaman membaca	18
1.7.6	Kemahiran menulis	19
1.7.7	Membaca laju	19
1.7.8	Kebimbangan terhadap ujian	19
1.7.9	Prestasi Pencapaian	20
1.8	Bidang kajian	20
1.9	Batasan kajian	21
1.10	Penutup	22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	23
2.2	Teori Pembelajaran	
2.2.1	Model Pembelajaran Carroll	25
2.2.2	Model Pembelajaran Walberg	26
2.2.3	Model Pembelajaran R. Gagne	28
2.3	Perkaitan di antara kemahiran belajar dengan kebiasaan belajar	30
2.4	Kajian berkaitan	31
2.5	Hubungan amalan kemahiran belajar dengan gender	37
2.6	Hubungan amalan kemahiran belajar dengan bangsa	39
2.7	Penutup	40

BAB 3 METHODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	42
3.2	Reka bentuk kajian	42



3.3	Populasi serta Persampelan	43
3.4	Instrumen, kesahihan dan kebolehpercayaan	47
3.4.1	Instrumen	47
3.4.2	Kajian rintis	50
3.4.3	Kebolehpercayaan dan kesahan alat pengukur	50
3.5	Kaedah pengumpulan data	54
3.6	Penutup	55
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	57
4.2	Analisis data	58
4.3	Statistik deskriptif	60
4.4	Dapatan kajian	63
4.5	Penutup	80
BAB 5	PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	81
5.2	Perbincangan dapatan kajian	81
5.3	Implikasi kajian	88
5.4	Cadangan kajian masa hadapan	90
5.5	Penutup	92
	BIBLIOGRAFI	93





SENARAI JADUAL

Jadual	muka surat
1.1 Analisis Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan Sijil Pelajaran Malaysia 2005 bagi Daerah Kuala Kangsar	5
1.2 Analisis Gred Pencapaian Prinsip Perakaunan Dalam Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan 4 2005	5
3.1 Analisis Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan Bagi Daerah Kuala Kangsar Dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2005	44
3.2 Senarai Nama Sekolah Yang Menawarkan Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan Di Peringkat Tingkatan 4 dan 5	45
3.3 Bilangan Pelajar Tingkatan 5 Yang Mengambil Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan Setiap Sekolah	46
3.4 Bilangan Sampel Mengikut Sekolah	47
3.5 Bilangan Item Bagi Setiap Faktor Kemahiran Belajar	48
3.6 Nilai Korelasi Item Dengan Jumlah Skor Yang Diperbetulkan Dan Indeks Bagi Faktor Kemahiran Belajar	52
4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	61
4.2 Taburan Responden Mengikut Bangsa	62
4.3 Min Bagi Amalan Kemahiran Belajar Mengikut Keutamaan	62
4.4 Tafsiran Bagi Skor Min	62
4.5 Skor Min Amalan Kemahiran Belajar Mengikut Jantina	63
4.6 Skor Min Amalan Kemahiran Belajar Mengikut Bangsa	64
4.7 Skor Min Prestasi Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan Mengikut Jantina	66
4.8 Skor Min Prestasi Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan Mengikut Bangsa	66





4.9	Ujian t Skor Min Bagi Amalan Pengurusan Masa, Mencatat Nota Dan Kefahaman Membaca	67
4.10	Ujian t Skor Min Bagi Amalan Pengurusan Kebimbangan Terhadap Ujian dan Kelajuan Membaca	68
4.11	Ujian t Skor Min Bagi Amalan kemahiran Konsentrasi/penumpuan	69
4.12	Ujian t Skor Min Bagi Amalan Persediaan Menghadapi Ujian	70
4.13	Ujian t Skor Min Bagi Amalan kemahiran Menulis	71
4.14	ANOVA Satu Hala Untuk Melihat Amalan Pengurusan Masa, Mencatat Nota dan Kefahaman Membaca	72
4.15	ANOVA Satu Hala Untuk Melihat Amalan Pengurusan Kebimbangan Terhadap Ujian dan Kelajuan Membaca	73
4.16	ANOVA Satu Hala Untuk Melihat Amalan Kemahiran Konsentrasi/ Penumpuan	74
4.17	ANOVA Satu Hala Untuk Melihat Amalan Persediaan Menghadapi Ujian	75
4.18	ANOVA Satu Hala Untuk Melihat Amalan Kemahiran Menulis	76
4.19	Ujian t Skor Min Prestasi Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan Mengikut Jantina	77
4.20	ANOVA Satu Hala Untuk Melihat Prestasi Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan Mengikut Bangsa	78
4.21	Hubungan antara Amalan Kemahiran Belajar Dengan Prestasi Pencapaian Prinsip Perakaunan	79





SENARAI RAJAH

Rajah		muka surat
1.1	Carta Pie Yang Menunjukkan Gred Pencapaian Prinsip Perakaunan Dalam Peperiksaan Akhir Tahun 2005	6
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	10
2.1	Model Pembelajaran Walberg	27





BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar belakang kajian

Falsafah Pendidikan Negara berhasrat melahirkan insan yang baik dan sempurna yang seterusnya akan menjadi warganegara yang baik serta memiliki ciri-ciri mempercayai dan mematuhi Tuhan, berilmu pengetahuan, berketrampilan, bermoral tinggi, bersahsiah seimbang, bersedia menyumbang kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara serta bertanggungjawab kepada diri, agama, bangsa, masyarakat dan negara (Abdullah Sani Yahaya, 2003:21). Bagi merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Negara, semua warga pendidikan harus bekerjasama, menggembling usaha dan tenaga tanpa mengenal erti kepenatan mahupun kebosanan. Para pelajar diharap dapat menguasai ilmu-ilmu serta berupaya menggunakan ilmu yang diperolehi bagi membantu orang lain.



Dalam konteks pendidikan di Malaysia, kurikulum merupakan suatu rancangan yang meliputi segala ilmu pengetahuan serta kemahiran, nilai-nilai norma, unsur-unsur kebudayaan dan kepercayaan masyarakat. Peranan kurikulum dalam pendidikan di Malaysia adalah untuk mengembangkan potensi murid-murid dari segi intelek, jasmani, rohani dan sosial dengan cara seimbang dan menyeluruh (Mok Soon Sang, 2003).

Pengembangan potensi intelek di kalangan para pelajar dilakukan dalam berbagai bentuk dan cara. Ini melibatkan pendedahan ilmu pengetahuan yang diserapkan dalam aktiviti pembelajaran formal dan tak formal sama ada berlaku di sekolah mahu pun di luar sekolah. Pembelajaran merupakan kegiatan yang bergantung kepada akal. Ahli psikologi seperti Mace (1976) dalam Ab. Rahim Selamat (1996) berpendapat, kita boleh membezakan mekanisme otak yang digunakan dalam pembelajaran (kemahiran pembelajaran) dengan faktor dorongan dan sikap. Ini menunjukkan bahawa kemahiran belajar dan faktor dorongan serta sikap saling lengkap melengkapi dalam menentukan prestasi pencapaian seseorang pelajar.

Dalam proses pendidikan di sekolah, kegiatan belajar merupakan kegiatan yang paling utama dan terpenting. Ini secara tidak langsung menyatakan bahawa terlaksana atau tidaknya pendidikan itu bergantung kepada bagaimana proses belajar itu berlaku di dalam kelas atau di luar kelas. Kaedah pembelajaran yang sistematik dan betul yang diamalkan seharian oleh para pelajar dapat melahirkan para pelajar yang cemerlang. Kenyataan ini diperkuatkan oleh dapatan pengkaji seperti Vollmeyer dan Rheinberg (2002) yang menyatakan bahawa salah satu sebab yang munasabah wujudnya perbezaan prestasi dua individu pelajar adalah disebabkan pelajar yang lebih cemerlang bermula





dengan strategi belajar yang baik dan tahu bagaimana mencari keperluan untuk menjawab soalan dan berpotensi untuk memberi jawapan yang tepat.

Pelbagai kepentingan boleh diperolehi dari kemahiran belajar. Mengikut Ramlan Hamzah dan Lily Mastura Harun (2005), terdapat beberapa kepentingan kemahiran belajar kepada para pelajar. Di antaranya adalah dapat mengaitkan pengalaman yang sedia ada dengan pembelajaran baru, membangkitkan kesediaan terhadap isi pelajaran yang akan dipelajari, memperkembangkan tahap-tahap perkembangan kognitif serta konkrit kepada abstrak, memupuk motivasi untuk melibatkan diri secara aktif dalam cara belajar dan mengukuhkan ingatan jangka pendek serta jangka panjang melalui kaedah menyusun, mengedit, mengklasifikasi dan menghubungkan.

Di Amerika Syarikat, kepentingan kaedah pembelajaran berkesan memang diakui. Banyak institusi pengajian tinggi, di antaranya Virginia Polytechnic Institute and State University dan University of North Carolina telah mengendalikan kursus pembelajaran berkesan dalam pelbagai nama seperti *Methods of study*, *Study Skills*, *The Technique of Study* dan *How to study?* Kebanyakan kursus telah mencapai objektifnya, di mana para siswa-siswi yang mengikuti pembelajaran berkesan mencapai kejayaan yang memuaskan berbanding dengan pelajar yang tidak mengetahui dan mengamalkan pembelajaran berkesan.

Dewasa ini di Malaysia, kemahiran belajar semakin dirasai kepentingannya oleh pihak sekolah. Para kaunselor juga telah diberi pendedahan tentang pelbagai kaedah kemahiran belajar seperti pengurusan masa dan mencatat nota supaya dapat dibengkelkan kepada para pelajar di sekolah. Bukan itu sahaja, malah terdapat beberapa sekolah yang menjemput pakar motivasi dari luar untuk memberi ceramah dan bengkel kepada para



pelajar seperti yang berlaku di Kolej Melayu Kuala Kangsar dan juga sekolah-sekolah berasrama penuh yang lain. Ini dapat dilakukan dengan kerjasama dari pihak Persatuan IbuBapa dan Guru yang merasakan ianya boleh menyumbang kepada kejayaan seseorang pelajar.

1.2 Penyataan masalah

Prinsip Perakaunan adalah merupakan salah satu daripada mata pelajaran teknikal yang diajar di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Ianya adalah penting kepada semua pelajar khususnya para pelajar yang ingin menyambung pelajaran dalam bidang perakaunan dan seterusnya menjawat jawatan sebagai seorang akauntan sama ada dalam institusi kerajaan mahu pun swasta. Di samping itu, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melahirkan akauntan yang mencukupi sesuai dengan tarap Malaysia sebagai negara maju mengikut acuannya sendiri pada tahun 2020. Memandangkan Malaysia sedang dalam era negara industri maka perlulah bagi rakyatnya menceburi bidang keusahawanan. Sehubungan itu, amat wajar sekali para pelajar di sekolah mempelajari mata pelajaran Prinsip Perakaunan dan Perdagangan bagi membolehkan mereka menceburi bidang keusahawanan apabila mereka tamat pengajian nanti. Wasasan 2020 tidak akan tercapai sekiranya prestasi pencapaian mata pelajaran Prinsip Perakaunan dan mata pelajaran teknikal yang lain tidak mencapai tahap yang memuaskan seperti apa yang berlaku pada hari ini.

Prestasi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 2005 bagi Daerah Kuala Kangsar adalah di tahap

yang sederhana sahaja dari segi peratus kelulusannya iaitu sebanyak 60.66% (Lampiran A). Walaubagaimanapun jika dilihat dari sudut kecemerlangan, hanya 17.76% (100 orang) sahaja yang mendapat gred A1 dan A2 (Jadual 1.1). Analisis juga menunjukkan 75% pelajar yang memperoleh gred A adalah para pelajar yang berbangsa Cina. Senario ini akan menggagalkan hasrat kerajaan untuk menghasilkan akauntan bumiputra yang seimbang dengan bangsa-bangsa lain di Malaysia.

Jadual 1.1

**Analisis Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan Sijil Pelajaran Malaysia 2005
Bagi Daerah Kuala Kangsar**

Gred	A	B	C	D	E	Lulus	Gagal
Peratus	17.76	8.34	12.29	9.84	12.43	60.66	39.34

Data-data dalam Jadual 1.1 disokong oleh analisis gred pencapaian Prinsip Perakaunan dalam peperiksaan akhir tahun tingkatan 4 bagi 209 orang pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2006 (Jadual 1.2 dan Rajah 1.1)


Jadual 1.2

**Analisis Gred Pencapaian Prinsip Perakaunan Dalam Peperiksaan Akhir Tahun
Tingkatan 4 2005**

Gred	Kekerapan	Peratus
Lulus	88	42.1
Gagal	121	57.9
Jumlah	209	100.0



Keputusan Peperiksaan Akhir Tahun



Rajah 1.1

Carta Pie Yang Menunjukkan Gred Pencapaian Prinsip Perakaunan Dalam Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan 4 2005



Merujuk kepada jadual 1.2 dan rajah 1.1, didapati bilangan pelajar yang gagal (57.9%) melebihi bilangan pelajar yang lulus (42.1%). Analisis ini pastinya tidak akan membantu peningkatan prestasi pencapaian Prinsip Perakaunan khususnya dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bagi tahun 2006. Sehubungan itu, perlulah dilaksanakan kajian tindakan bagi mengenal pasti masalah dan seterusnya mencari jalan penyelesaian kepada masalah ini.

Mata pelajaran Prinsip Perakaunan adalah merupakan mata pelajaran penting khususnya kepada para pelajar yang ingin menyambung pelajaran dalam bidang Perakaunan. Kegagalan atau sekadar lulus sahaja tidak akan membantu para pelajar untuk merealisasikan impian mereka dan secara tidak langsung hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dalam semua aspek dan dimensi



ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan budaya dalam tahun 2020 tidak akan tercapai.

Kejayaan dalam pembelajaran bukan sahaja hasil daripada keupayaan dan kerajinan semata-mata tetapi juga daripada keberkesanan kaedah belajar. Pernyataan ini disokong oleh Ab. Rahim Selamat (1992) yang menyatakan terdapat perbezaan di antara individu dalam kapasiti kerja dan belajar berdasarkan beberapa faktor seperti berikut:-

Keberkesanan dan kebolehan istimewa	-	50% - 60%
Rajin, usaha dan kaedah belajar yang efektif	-	30% - 40%
Peluang dan faktor-faktor persekitaran	-	10% - 15%

Faktor-faktor di atas menunjukkan bahawa kebolehan yang sedia ada sahaja tidak mencukupi tanpa disokong oleh kerajinan dan penggunaan kaedah belajar yang berkesan. Ramai pelajar yang cerdik tetapi gagal kerana tidak mengetahui bagaimana untuk belajar secara yang efektif. Sehubungan itu, maka perlulah pelajar menguasai teknik kemahiran belajar yang berkesan untuk mencapai kejayaan yang cemerlang.

Berdasarkan faktor-faktor yang dinyatakan oleh Ab. Rahim Selamat (1992), maka perlulah dijalankan suatu kajian empirikal tentang amalan kemahiran belajar dan hubungannya dengan prestasi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Dapatan kajian ini mungkin dapat membantu menyelesaikan masalah prestasi pencapaian yang kurang memuaskan di kalangan pelajar yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

1.3 Teori /Model berkaitan

Banyak teori serta model strategi pembelajaran yang diutarakan oleh pelbagai pihak. Di sini dibincangkan tiga model pembelajaran yang boleh dikaitkan dengan strategi atau kaedah pembelajaran pelajar cemerlang.

1.3.1 Model Pembelajaran Carroll

Menurut Carroll (1963) dalam Blooms (1976), seorang pelajar akan berjaya dalam tugasannya jika beliau menggunakan masa yang sepatutnya untuk tugas tersebut. Carroll menggunakan lima pemboleh ubah yang saling berkaitan untuk menentukan perbezaan dalam pembelajaran seseorang iaitu kemahiran, kemampuan untuk memahami, kualiti arahan, peluang untuk belajar dan ketekunan. Carroll berpendapat bahawa kegagalan menggunakan masa yang sepatutnya untuk belajar akan menyebabkan pembelajaran tidak sempurna. Ini menunjukkan bahawa pengurusan masa adalah penting dalam menentukan kejayaan seseorang pelajar.

1.3.2 Model Pembelajaran Walberg

Walberg et al. (1984), menghasilkan sembilan faktor (dalam tiga kategori) yang boleh mempengaruhi hasil pembelajaran pelajar. Walberg mencadangkan bahawa kebanyakan perbezaan dalam prestasi pelajar adalah disebabkan oleh kemahiran seseorang pelajar, persekitaran pembelajaran dan sedikit pemboleh ubah masa. Hasil pembelajaran dipengaruhi oleh tiga set pemboleh ubah iaitu kemahiran pelajar, proses arahan dan persekitaran pembelajaran.




1.3.3 Model Pembelajaran R. Gagne

Model Pembelajaran yang dipelopori oleh R. Gagne (1985), ini menjelaskan pembelajaran sebagai satu siri transformasi pengetahuan di mana proses kognitif berlaku apabila maklumat bergerak daripada input ke output dengan dipengaruhi oleh rangsangan luaran. Model ini meramalkan tentang struktur dalaman minda seseorang dan proses kognitif dalaman yang berlaku atau dijalankan oleh setiap struktur ini dan struktur dalaman minda ini terdiri daripada pendaftar deria, ingatan jangka pendek (ingatan kerja), ingatan jangka panjang, struktur kawalan eksekutif dan struktur jangkaan. Model ini boleh dikaitkan dengan kefahaman membaca dan mengingat yang merupakan di antara kemahiran belajar yang perlu dikuasai oleh pelajar untuk membolehkan mereka mencapai kejayaan dalam peperiksaan.

Berikut adalah model konseptual kajian yang dihasilkan berdasarkan kepada ketiga-tiga model pembelajaran di atas. Model ini memperlihatkan hubungan di antara pemboleh ubah bebas ke atas pemboleh ubah bersandar iaitu prestasi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.





Kerangka Konseptual Kajian

Merujuk kepada model konseptual di atas, pemboleh ubah bebas adalah faktor demografi dan faktor kemahiran belajar. Faktor demografi terdiri daripada faktor jantina dan bangsa. Faktor jantina dipilih kerana wujudnya pencapaian yang berbeza di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Dapatan kajian Wren (1934) menunjukkan pelajar perempuan memperoleh gred yang lebih baik daripada pelajar lelaki kerana mengamalkan kemahiran belajar yang tinggi seperti penyediaan nota yang cantik dan bersih, sentiasa aktif di dalam perbincangan kelas dan juga mengorbankan waktu tidur mereka untuk belajar. Faktor bangsa dipilih berdasarkan kepada perbezaan pencapaian di kalangan pelajar Melayu, Cina dan India. Merujuk kepada keputusan peperiksaan Sijil



Pelajaran Malaysia bagi tahun 2005, 75% daripada pelajar yang memperoleh gred A adalah merupakan pelajar berbangsa Cina. Pengkaji merasakan kemungkinan wujudnya amalan kemahiran belajar yang baik di kalangan pelajar berbangsa Cina yang menyebabkan mereka memperoleh gred pencapaian yang cemerlang dalam Prinsip Perakaunan. Faktor kemahiran belajar pula terdiri daripada lima faktor iaitu pengurusan masa, mencatat nota serta kefahaman membaca, pengurusan keseimbangan terhadap ujian serta kelajuan membaca, konsentrasi/penumpuan, persediaan menghadapi ujian, dan kemahiran menulis. Pemboleh ubah-pemboleh ubah seperti pengurusan masa, kefahaman membaca, konsentrasi, persediaan menghadapi ujian diadaptasi daripada Model Pembelajaran Carroll, Model Pembelajaran Walberg dan Model pembelajaran Gagne dan ditambahkan dengan beberapa lagi faktor kemahiran belajar yang disesuaikan dengan kaedah pembelajaran bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Pengkaji akan cuba mengenal pasti sama ada amalan kemahiran belajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan yang merupakan pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini.

1.4 Tujuan kajian

1.4.1 Matlamat kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti hubungan amalan kemahiran belajar ke atas prestasi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Di samping itu, peranan faktor jantina dan bangsa terhadap prestasi pencapaian Prinsip Perakaunan juga akan turut diselidiki.



1.4.2 Objektif Khusus

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:-

1.4.2.1 mengenal pasti tahap amalan kemahiran belajar pelajar tingkatan lima di enam buah sekolah di sekitar bandar Kuala Kangsar berdasarkan jantina dan bangsa

1.4.2.2 mengenal pasti tahap prestasi pencapaian dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan berdasarkan jantina dan bangsa

1.4.2.3 mengenal pasti sama ada tahap amalan kemahiran belajar pelajar berbeza berdasarkan faktor jantina dan bangsa

1.4.2.4 mengenal pasti sama ada tahap prestasi pencapaian dalam mata pelajaran Prinsip



Perakaunan berbeza berdasarkan faktor jantina dan bangsa



1.4.2.5 mengenal pasti sama ada wujud hubungan di antara pengurusan masa, mencatat nota serta kefahaman membaca dengan prestasi pencapaian mata pelajaran Prinsip Perakaunan

1.4.2.6 mengenal pasti sama ada wujud hubungan di antara pengurusan keseimbangan terhadap ujian dan kelajuan membaca dengan prestasi pencapaian mata pelajaran Prinsip Perakaunan





1.4.2.7 mengenal pasti sama ada wujud hubungan di antara konsentrasi/penumpuan dengan prestasi pencapaian mata pelajaran Prinsip Perakaunan

1.4.2.8 mengenal pasti sama ada wujud hubungan di antara persediaan menghadapi ujian dengan prestasi pencapaian mata pelajaran Prinsip Perakaunan

1.4.2.9 mengenal pasti sama ada wujud hubungan di antara kemahiran menulis dengan prestasi pencapaian mata pelajaran Prinsip Perakaunan

1.5 Soalan-soalan Kajian

Sehubungan dengan matlamat kajian, pengkaji mengemukakan lima persoalan kajian. Soalan-soalan tersebut adalah:-

1.5.1 Apakah tahap amalan pengurusan masa, mencatat nota serta kefahaman membaca, pengurusan kebimbangan terhadap ujian serta kelajuan membaca, konsentrasi/penumpuan, persediaan menghadapi ujian dan kemahiran menulis para pelajar berdasarkan jantina dan bangsa?

1.5.2 Apakah tahap amalan prestasi pencapaian dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan para pelajar berdasarkan jantina dan bangsa?

1.5.3 Adakah wujud perbezaan yang signifikan dalam tahap amalan pengurusan masa, mencatat nota serta kefahaman membaca, pengurusan kebimbangan



terhadap ujian serta kelajuan membaca, konsentrasi/penumpuan, persediaan menghadapi ujian dan kemahiran menulis para pelajar berdasarkan jantina dan bangsa?

1.5.4 Adakah wujud perbezaan yang signifikan bagi prestasi pencapaian dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan berdasarkan jantina dan bangsa?

1.5.5 Adakah wujud hubungan yang signifikan di antara amalan pengurusan masa, mencatat nota serta kefahaman membaca, pengurusan kebimbangan terhadap ujian serta kelajuan membaca, konsentrasi/penumpuan, persediaan menghadapi ujian dan kemahiran menulis dengan prestasi pencapaian dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan-persoalan kajian yang dinyatakan, hipotesis-hipotesis alternatif berikut akan diuji:-

1.6.1 Terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam amalan kemahiran pengurusan masa, mencatat nota dan kefahaman membaca di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan



1.6.2 Terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam amalan kemahiran pengurusan keseimbangan terhadap ujian dan kelajuan membaca di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan

1.6.3 Terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam amalan kemahiran konsentrasi/penumpuan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan

1.6.4 Terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam amalan kemahiran persediaan menghadapi ujian di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan

1.6.5 Terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam amalan kemahiran menulis di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan

1.6.6 Terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam amalan kemahiran pengurusan masa, mencatat nota dan kefahaman membaca di antara pelajar Melayu, Cina dan India

1.6.7 Terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam amalan kemahiran pengurusan keseimbangan terhadap ujian dan kelajuan membaca di antara pelajar Melayu, Cina dan India





1.6.8 Terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam amalan kemahiran konsentrasi/penumpuan di antara pelajar Melayu, Cina dan India

1.6.9 Terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam amalan kemahiran persediaan menghadapi ujian di antara pelajar Melayu, Cina dan India

1.6.10 Terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam amalan kemahiran menulis di antara pelajar Melayu, Cina dan India

1.6.11 Terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam prestasi pencapaian mata pelajaran Prinsip Perakaunan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan



1.6.12 Terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam prestasi pencapaian mata pelajaran Prinsip Perakaunan di antara pelajar Melayu, Cina dan India

1.6.13 Terdapat hubungan yang signifikan di antara amalan kemahiran belajar dengan prestasi pencapaian Prinsip Perakaunan





1.7 Definisi Operasional Pemboleh ubah

1.7.1 Kemahiran belajar

Kemahiran belajar ditakrifkan sebagai belajar cara belajar ataupun stail pembelajaran seseorang pelajar. Seseorang yang mahir belajar adalah mereka yang mampu untuk mengatur strategi dan dapat melaksanakan strategi itu sehingga berjaya. Kemahiran belajar adalah merupakan asas kepada pencapaian prestasi yang cemerlang dalam peperiksaan.

1.7.2 Pengurusan masa

Pengurusan masa adalah merupakan perancangan untuk aktiviti seharian. Ianya merujuk kepada cara bagaimana seseorang mengagihkan masa yang terhad iaitu selama 24 jam sehari untuk aktiviti-aktiviti yang memberi manfaat. Pengagihan masa adalah amat penting memandangkan masa adalah terhad manakala aktiviti-aktiviti yang memerlukan masa adalah tidak terhad.

1.7.3 Konsentrasi/penumpuan

Menurut Hellyer et al. (1998), penumpuan melibatkan tiga siri kebolehan mental iaitu kebolehan untuk memberi fokus dalam sesuatu jangkamasa, kebolehan untuk memfokus kepada kehendak dan kebolehan untuk memfokus kepada sesuatu tugas pada sesuatu masa. Konsentrasi adalah merupakan salah satu daripada faktor kemahiran belajar yang memerlukan seseorang memberi perhatian khusus (fokus) kepada input yang





disampaikan dan juga tugas yang dilakukan bagi menggarab idea-idea penting di samping menghasilkan tugas yang terbaik.

1.7.4 Mencatat nota

Mengikut Ab. Rahim Selamat (1992), mencatat nota adalah aktiviti merekod fakta di atas kertas. Menurut Padilah Haji Ali (1997), nota adalah bahan yang penting, ditulis secara ringkas tetapi isinya padat. Mencatat nota adalah merupakan satu bentuk kemahiran belajar yang mengkehendaki pelajar menulis fakta atau pun idea-idea penting daripada syarahan dan juga buku bacaan.

1.7.5 Kefahaman membaca

Mengikut Ward (1980) dalam AB. Rahim (1996) membaca melibatkan aktiviti fizikal dan mental seperti pergerakan mata, tatabahasa, perbendaharaan kata, ejaan, fonetik dan kefahaman intelektual. Bush dan Guebner (1975) dalam Peter (1991) menyatakan bahawa membaca adalah tafsiran simbol tulisan, memahami makna tulisan, penyerapan idea yang disebarkan oleh penulis dan proses berfikir. Membaca merupakan satu proses berfikir yang melibatkan pembelajaran, renungan, memberi nilai, analisis, sintesis, memilih maklumat, membanding maklumat dan seterusnya. Kefahaman membaca adalah merupakan satu kemahiran yang melibatkan aktiviti membaca dan juga memahami serta mentafsir idea utama yang ingin disampaikan oleh penulis.



1.7.6 Kemahiran menulis

Menurut Mike dan Smith (1994), kemahiran menulis boleh dibahagikan kepada dua pendekatan iaitu pendekatan deskriptif dan juga pendekatan perbahasan. Kemahiran menulis merujuk kepada cara atau teknik seseorang pelajar menghuraikan idea-idea penting dalam bentuk yang dapat di fahami oleh pembaca.

1.7.7 Membaca laju

Mengikut Malek Muhamat Said (2004), membaca laju bermaksud membaca dengan kadar yang pantas tanpa mengulangi semula pembacaan atau pun membaca dengan sekali luncur sahaja bagi menjimatkan masa yang sangat berharga. Kemahiran membaca laju atau pantas ini boleh juga di fahami sebagai kemahiran menggerakkan mata kepada isi pembacaan tanpa mengulangi semula pembacaan dan kepantasan ini dikira dalam patah perkataan seminit.

1.7.8 Kebimbangan terhadap ujian

Menurut Hellyer et. al (1998), kebimbangan terhadap ujian boleh ditafsirkan sebagai kerisauan sekiranya tidak mencapai tahap yang di harapkan oleh diri sendiri atau orang lain. Kebimbangan terhadap ujian juga merujuk kepada ketakutan yang dihadapi oleh pelajar sekiranya mereka tidak dapat mencapai jangkaan yang mereka sendiri atau pihak



lain harapkan sama ada lulus atau mendapat keputusan yang cemerlang dalam ujian dan peperiksaan.

1.7.9 Prestasi Pencapaian

Prestasi pencapaian merujuk kepada keputusan mata pelajaran Prinsip Perakaunan dalam peperiksaan akhir tahun tingkatan empat bagi tahun 2005.

1.8 Bidang kajian

Kajian ini hanya menumpukan kepada lima amalan kemahiran belajar iaitu pengurusan masa, konsentrasi/penumpuan, mencatat nota, kefahaman membaca, persediaan menghadapi ujian, kelajuan membaca, kemahiran menulis dan pengurusan keseimbangan terhadap ujian. Pengkaji akan melihat hubungan kelima-lima amalan kemahiran ini dengan prestasi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

1.9 Batasan Kajian

Berikut adalah beberapa batasan kajian:-

- 1.9.1 Kajian ini hanya dijalankan ke atas para pelajar yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan di sekolah-sekolah menengah Daerah Kuala Kangsar. Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian ini di Daerah Kuala Kangsar kerana sekolah-sekolah menengah di daerah ini masih menunjukkan prestasi yang kurang

memberangsangkan dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

1.9.2 Walaupun terdapat banyak amalan (faktor) di dalam kemahiran belajar, pengkaji telah memilih hanya lima faktor sahaja iaitu pengurusan masa, mencatat nota serta kefahaman membaca, pengurusan kebimbangan terhadap ujian, konsentrasi/penumpuan, persediaan menghadapi ujian dan kemahiran menulis untuk kajian ini memandangkan kelima-lima amalan adalah merupakan kemahiran asas dan selalu dititik beratkan dalam ceramah motivasi dan juga buku-buku yang berkaitan dengan kemahiran belajar. Di samping itu juga, kemahiran-kemahiran ini berkait rapat dengan kaedah pembelajaran mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

1.9.3 Prestasi pencapaian sampel hanya merujuk kepada markah dalam peperiksaan akhir tahun tingkatan empat bagi tahun 2005 untuk mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Ini adalah kerana sampel masih belum menduduki peperiksaan pertengahan tahun yang hanya akan dijalankan pada bulan Mei 2006.

1.9.4 Populasi dan sampel pengkaji adalah berdasarkan amalan kemahiran belajar bagi pelajar tingkatan lima memandangkan mereka telah pun mempelajari mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk tempoh lebih daripada setahun berbanding dengan pelajar tingkatan empat yang baru mengenal mata pelajaran ini selama lebih kurang dua bulan.

1.10 Penutup

Memandangkan kemahiran belajar ini memberi kepentingan kepada pelbagai pihak termasuklah pelajar sekolah, penuntut kolej dan universiti maka adalah perlu untuk dijalankan suatu kajian bagi mengenal pasti kepentingannya terutama untuk mencapai prestasi cemerlang dalam akademik. Golongan pelajar yang berprestasi tinggi tidak semestinya hanya mempunyai kecerdasan intelektual. Mereka berjaya mungkin kerana daya usaha dan tumpuan masa yang berlebihan di samping cara belajar yang berkesan. Cara belajar yang baik perlu diajar dari masa ke semasa. Dengan menggunakan cara yang betul, masa dan tenaga akan berkurangan tetapi kesan atau hasilnya akan meningkatkan. Seseorang yang mahir belajar adalah mereka yang mampu untuk mengatur strategi dan dapat melaksanakan strategi itu sehingga berjaya.